

INSTAR 10KM CHALLENGE

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4935-instar-10km-challenge

SUBANG, 3 Mei 19. Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR) Pangkalan Udara Subang telah melaksanakan acara larian "INSTAR 10KM CHALLENGE". Acara ini telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSTAR, Lt Kol Harisson b Harun TUDM dan turut dihadiri pada acara kali ini ialah Mej Mohd Rizal bin Haji Mohd Noor TUDM Ketua Sekolah Muzik.

Pihak INSTAR dan Penuntut Kursus telah mengambil inisiatif bagi menganjurkan acara INSTAR 10KM CHALLENGE tersebut kerana membuat persiapan awal sebagai tanda sokongan bagi semua anggota dan khususnya kepada pegawai-pegawai kanan TUDM untuk Program Kecergasan RMAF Challenge 2019 di Taman Botani Kuala Lumpur yang telah dijadualkan pada 4 Mei 19.

Acara ini juga telah mendapat sambutan yang amat mengalakkan daripada warga INSTAR dengan kehadiran seramai 300 orang, yang terdiri daripada Kursus Asas Pegawai Tadbir Siri 43/19, Kursus Pembantu Pentadbiran Peningkatan Kelas I Siri 64/19, Kursus Penyelia Kanan Siri 229/19, Kursus Asas Pembantu Pentadbiran Kelas I Siri 64/19, Kursus Asas Pembantu Pentadbiran Kelas II Siri 80/19, Kursus Pancaragam Kelas II Siri 18/19.

Masa yang telah ditetapkan ialah 1 jam 45 minit, peserta pertama terpanas yang sampai di garisan penamat dengan catatan masa 48 minit 57 saat iaitu Lt M Mohd Fakhrizam TUDM (375854) dari peserta Kursus Asas Pegawai Tadbir (KAPT) Siri 43/19 dan semua peserta melepasi masa yang ditetapkan serta sampai di garisan penamat dengan selamat.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga INSTAR diatas penyertaan pada acara "INSTAR 10KM CHALLENGE".



